



Suara

BANDARAYA

JULAI-OGOS 1997

NASKAH PERCUMA

ISSN 0128 - 1194



Datin Seri Dr. Wan Azizah Dato' Dr. Wan Ismail menanam pokok sempena program gotong-royong di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Semua lapisan masyarakat, tanpa mengira bangsa harus berganding bahu untuk sama-sama menjaga keindahan kawasan, kebersihan dan kesihatan terutamanya untuk merealisasikan cogan kata Kuala Lumpur sebagai Bandar Raya Cemerlang serta mendukung cita-cita Negara Bersih Rakyat Sihat. Sebenarnya warga kota boleh menyumbang dan membantu kempen keindahan dan kebersihan dan menggerakkan jentera dalam masyarakat bagi membantu matlamat murni itu tercapai dengan cemerlang.

Datin Seri Dr. Wan Azizah Dato' Dr. Wan Ismail, isteri Timbalan Perdana Menteri merangkap penangguh Pertubuhan Tunas Harapan Kuala Lumpur berkata demikian ketika melancarkan program gotong royong Kebersihan Teras Kesihatan (Menangani Wabak Denggi) di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di Taman Bukit Angkasa Pantai Dalam, Kuala Lumpur.

Beliau memberitahu, program kesedaran sivik dan gotong royong perlu dilaksanakan lebih kerap bagi memastikan keindahan dan kebersihan yang memuaskan pada setiap masa dan tempat. Kerjasama orang ramai sangat penting bagi mengatasi

masalah tersebut, di samping merapatkan hubungan baik antara satu sama lain.

Menurutnya, di samping program

NEGARA BERSIH RAKYAT SIHAT

berbentuk riadah itu dijalankan, ia boleh disertakan dengan program penanaman pokok-pokok di sekitar kawasan rumah bagi

mengindahkan lagi suasana sekitar. Masing-masing mempunyai keupayaan serta kemampuan menangani masalah kekotoran itu.

Hadir sama dalam aktiviti gotong royong itu ialah Setiausaha Parlimen di Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Sharizat Abdul Jalil dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Katanya, kerajaan akan menggunakan pendekatan secara bersifat kerjasama dan gotong royong. Hanya dengan cara itu dapat menghindari keadaan kekotoran alam sekitar yang menjijikkan serta terpaksa menghidu udara yang kotor seperti yang terdapat di kebanyakan kawasan setinggan dan rumah pangsa. Langkah itu diambil memandangkan kebersihan dan keindahan kawasan memerlukan kerjasama dua pihak, antara kerajaan dan masyarakat.

"Program gotong royong memerangi aedes itu bukan sahaja menekankan nilai-nilai sivik di pelbagai peringkat usia malah dapat menanamkan kesedaran mengutamakan kebersihan dan kesihatan keluarga, jiran tetangga dan sebagainya. Bagi membendung wabak ini secara lebih efektif, satu pendekatan yang positif perlu diusahakan secepat mungkin. Setiap warga kota perlu sedar bahawa komitmen orang ramai penting dalam menjaga kebersihan dan keindahan," katanya.

samb. ke muka 4



Datin Seri Dr. Wan Azizah Dato' Dr. Wan Ismail (sarung tangan putih) melancarkan program gotong-royong kebersihan teras kesihatan di Taman Bukit Angkasa Pantai Dalam, Kuala Lumpur.

Rencana Menarik

SUARA BANDARAYA JULAI-OGOS 1997

- 1 Negara Bersih Rakyat Sihat
- 2 Rencana Menarik
- 3 Suara Editor/Sentiasa Membawa Perubahan
- 4 Hal-hal Lain/Globalisasi Perlu Diterjemahkan
- 5 *Colourful Blooms at the Orchid Garden*
- 6 *Back to Basics Concept*
- 7 *The Longings for a Beautiful and Clean River*
- 8 *Redevelopment of City Outskirts*
- 9 *Hawkers Have To Be More Responsible*
- 10 Dari DBKL ke Korporat
- 11 Pustaka Awam di Kompleks Membeli-Belah
- 12 Jaringan Hutan Bandar
- 13 Kempen Antivandalisme Tingkatkan Kesedaran
- 14/15 Ankara dan Istanbul Penuh Kenangan
- 16 Album Bandaraya
- 17 Pro dan Kontra
- 18 Akademi Tempatan Perlu Diwujudkan
- 19 Bersikap Tenang Atasi Kesukaran Hidup
- 20 Agensi Kerajaan Perlu Pembaharuan
- 21 Sekolah Dalam Taman
- 22 Melancong Dengan Bas
- 23 Sudut Fatwa/Sajak
- 25/26 Dato' Rahim Zain Sentiasa Sederhana
- 27 Bowling: Suhaimi Letak Harapan Tinggi
- 28 Penanaman Pokok Agenda DBKL



Suara Bandaraya

EDITORIAL

Penasihat:

Sanusi bin Samid

Editor:

Md. Dahalan bin Md. Noor

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Jurufoto:

Mubarak Mohd Atan

Abdul Rani Mohd Sohor

Sumbangan

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya. Sumbangan ini boleh disampaikan kepada:

EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel: 03-2916011 samb. 3855 dan Fax: 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat	
Bangunan DBKL	- 2916011
Hot Line (24 Jam)	- 4231127
Unit Kecemasan 24 Jam	
(JPBandar)	- 9843434
Skuad Penyelamat 24 Jam	
(DPenguatkuasaan)	- 4220033
Aduan Awam	- 2934531
Aduan JKAL	- 2915128
Aduan JPPerumahan	- 2912112
	- 2911686
JPlesenan	- 2986177
JP Penjaja	- 2621988
DPenguatkuasaan	- 4231133
JPengangkutan Bandar	- 2910555
JPPerumahan	- 2938166
Bhg. Keb. & Sukan	- 2933344
B Ukur Bahan	- 4417011
Pej. Caw. Cheras	- 9711889
Pej. Caw. Damansara	- 7182277
Pej. Cawangan	
Jln Kelang Lama	- 7826117
Pej. Caw. Kepong	- 6272900
Pej. Caw. Setapak	- 4211142

SENTIASA MEMBAWA PERUBAHAN

Kuala Lumpur yang masih dalam usia suku abad sebagai bandar raya, ibarat remaja yang sentiasa perlukan bimbingan dan perhatian ibu bapa. Walau dalam apa keadaan sekalipun, kita mesti melengkapkan ilmu pengetahuan, kepakaran dan kemahiran tinggi, sains dan teknologi, teknologi maklumat, bersikap positif dan sentiasa membawa perubahan dan menjadi model kepada bandar raya lain di rantau sebelah sini.

Kerana itu harapan pelbagai pihak, kita perlu memelihara kemajuan secara berterusan dengan ketekunan dan usaha berlipat kali ganda. Bagaimanapun kita berharap semangat kerajinan tidak menjadi luntur, lelah, lemas dan akhirnya menimbulkan pelbagai masalah kepada masyarakat.

Dalam kata lain, kita sedih jika ada pegawai dan kakitangan yang memandang ringan segala usaha memberikan perkhidmatan yang cekap dan efisien kepada warga kota yang berjumlah 1.2 juta orang berdasarkan banci penduduk tahun 1991 dan dijangka meningkat 2.2 juta orang menjelang alaf baru.

Dan tentunya sama-sama kita membulatkan tekad memajukan Kuala Lumpur bandar raya taman bercahaya dan warga kota. Setiap pegawai dan kakitangan harus memiliki disiplin yang tinggi dan akhirnya Kuala Lumpur menjadi bandar raya yang dihormati dan menjadi model kepada pihak berkuasa tempatan yang lain.

Pendekatan positif kerajaan, bersama-sama merenung dan memikirkan teknologi maklumat supaya mencapai kejayaan cemerlang. Kita optimis memperbaharui semula tekad untuk menebus maruah dan mendirikan sebuah bandar raya maju dan bertamadun. Justeru, menjadi bandar raya maju ikut acuan sendiri.

Kita maju bukan semata-mata kerana ikut-ikutan, bukan menjadi bandar raya tiruan yang mengamalkan segala-galanya dari bandar raya barat seperti London, Paris dan New York. Kita melihat perkembangan yang sama berlaku di Jepun, tanpa komitmen tinggi, idaman dan impian tidak mungkin tercapai dengan mudah.

Malahan seluruh pegawai dan kakitangan DBKL harus bekerja sebagai satu pasukan untuk mencapai wawasan murni, Kuala Lumpur bandar raya hijau seperti yang menjadi impian Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Pilihan yang ada pada kita hanya satu, mesti sanggup bekerja keras, memecahkan hambatan, bekerja dalam satu pasukan dan sanggup berkorban kerana sikap sambil lewa, bekerja sekadar lapan hingga empat (8/4), kau kau dan aku aku, sudah pasti akan membantutkan usaha dan memusnahkan impian selama ini.

Walaupun apapun yang berlaku, yang penting, pegawai dan kakitangan DBKL wajar berbangga dengan tahap pembangunan dan kemajuan yang dicapai oleh Kuala Lumpur, walaupun dalam usia setahun jagung.

Perlu diingat, DBKL mempunyai peranan yang maha besar untuk memberikan sumbangan dan bakti kepada warga kota. Kerana itu Piagam Pelanggan harus dihayati oleh pegawai dan kakitangan supaya matlamat dan fungsi tetap diberi keutamaan.